



PRINSIP INVENTIF BAGI PEMISAHAN RUANG

PEMBAHAGIAN

- Membahagikan objek kepada beberapa bahagian kecil.
- Menjadikan objek mudah dilaraikan.
- Meningkatkan darjah kebolehbahagian.
- Perubahan ke peringkat lebih kecil.

PENGEKSTRAKAN

- Memisahkan atau mengeluarkan bahagian yang mendatangkan gangguan daripada objek.

KUALITI SETEMPAT

- Mengubahkan struktur objek dan pengaruh luaran daripada seragam menjadi tidak seragam.
- Menjadikan setiap bahagian objek memenuhi fungsi berbeza yang berguna.

PENYARANGAN

- Meletakkan atau memasukkan satu objek ke dalam satu objek yang sama tetapi berlainan saiz.

FILEM NIPIS DAN CANGKERANG BOLEH LENTUR

- Membalut, melapik, atau membungkus objek menggunakan lapisan filem nipis dan cangkerang boleh lentur.

PENGANTARA

- Mengadakan bahagian baharu antara dua objek.
- Menggunakan objek atau proses pengantara.
- Mencantumkan dua objek secara sementara.

TIDAK SIMETRI

- Mengubah bentuk satu objek daripada simetri menjadi tidak simetri.



PRINSIP INVENTIF BAGI PEMISAHAN MASA

KEDINAMIKAN

- Memecahkan satu objek kepada bahagian kecil yang boleh bergerak.
- Mengubah sesuatu bahagian objek daripada tidak bergerak kepada bahagian yang bergerak, dan sebaliknya.

TINDAKAN AWAL

- Melakukan tindakan awal untuk mengawal risiko.

TINDAKAN BERKALA

- Menukar tindakan berterusan kepada tindakan berkala.

TINDAKAN KETERLALUAN

- Jika tindakan tidak terhasil, lakukan tindakan yang sama tetapi secara berlebihan atau berkurangan agar dapat memudahkan penyelesaian.

PENGEMBANGAN TERMA

- Menggunakan prinsip terma (pengembangan atau pengecutan) terhadap sesuatu bahan.

PEMBUANGAN DAN PEMULIHAN

- Membuang bahagian yang telah menjalankan fungsinya.

TINDAKAN BERTERUSAN YANG BERFAEDAH

- Menjalankan sesuatu kerja secara berterusan.